

Unsur Realisme Menurut Kemodenan Kesusasteraan Munshi Abdullah Dalam Syair Muhammad Salleh

Elements Of Realism According To Munshi Abdullah'S Modernity In Literature As Perceived In Syair Muhammad Salleh

Siti Nur Suhaili

¹Rahimah Hamdan

Jabatan Bahasa Melayu
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia

E-mel koresponden: ¹rahimahh@upm.edu.my

ABSTRAK

Kedatangan sarjana Barat ke Alam Melayu menyebabkan kesusasteraan Melayu terbahagi kepada dua periodisasi iaitu tradisional dan moden. Nama Munshi Abdullah diperkenalkan dalam korpus kesusasteraan Melayu sehingga membawa kepada penobatan beliau sebagai Bapa Kesusasteraan Melayu Moden. Pengiktirafan tersebut disebabkan oleh penerapan unsur Realisme dalam karya yang membezakan beliau dengan pengarang Melayu terdahulu. Walau bagaimanapun, unsur 'Realisme' menurut acuan Barat ini menolak syair yang mendapat tempat dalam kalangan para pengarang Melayu pada ketika itu. Tambah ironi apabila Munshi Abdullah turut menerapkan unsur Realisme ini dalam syair-syair beliau. Berteraskan kontradik ini, kajian mengetengahkan satu syair yang berfokuskan kepada realiti atau 'berpijak di bumi nyata' iaitu Syair Muhammad Salleh yang dikarang pada abad ke-19. Terdapat dua objektif kajian yang diselesaikan iaitu mengenal pasti unsur-unsur Realisme menurut kemodenan kesusasteraan Munshi Abdullah dan menganalisis unsur-unsur Realisme tersebut dalam Syair Muhammad Salleh. Metodologi kajian secara analisis teks terhadap Syair Muhammad Salleh menggunakan konsep Realisme menurut kerangka kemodenan kesusasteraan Munshi Abdullah oleh Rahimah Hamdan (2023). Kerangka ini memberi penekanan kepada logik dan penolakan kepada tahyul dan khurafat. Dapatan kajian mendapati syair ini menepati ciri-ciri kemodenan kesusasteraan Munshi Abdullah. Natiujahnya, kajian ini dapat mengangkat bentuk puisi (syair) sebagai wahana kemodenan dalam kesusasteraan Melayu dan tidak diketepikan tanpa pengadilannya.

Kata kunci: syair, Syair Muhammad Salleh, Kemodenan Kesusasteraan Munshi Abdullah, logik

ABSTRACT

The arrival of Western scholars in the Malay Archipelago led to the division of Malay literature into two periods: traditional and modern. The name Munshi Abdullah emerged in the corpus of Malay literature, resulting in his recognition as the Father of Modern Malay Literature. This distinction was attributed to his incorporation of realism, setting his work apart from earlier

Malay authors. However, this Western concept of 'realism' often dismissed the syair, a poetic form cherished by Malay authors of that era. Paradoxically, Munshi Abdullah infused elements of realism into his own syair. Addressing this contradiction, this study examines a syair focused on reality or 'groundedness,' specifically the 19th-century Syair Muhammad Salleh. The study aims to achieve two objectives: to identify elements of realism in line with the modernity of Munshi Abdullah's literature and to analyze these elements within Syair Muhammad Salleh. Methodologically, the study conducts a textual analysis of Syair Muhammad Salleh using the realism framework defined by Rahimah Hamdan (2023) within the context of Munshi Abdullah's literary modernity. This framework emphasizes logic and rejects superstition and myth. The findings reveal that the syair aligns with the characteristics of Munshi Abdullah's literary modernity. Ultimately, this study elevates the syair form as a medium of modernity in Malay literature, ensuring it is not overlooked without proper evaluation.

Keywords: *syair, Syair Muhammad Salleh, Munshi Abdullah's Literary Modernity, logic*

1. Pengenalan

Kedatangan kolonial Barat ke Alam Melayu pada abad 18 dan 19 Masihi awalnya bertujuan untuk mengaut keuntungan hasil bumi di Tanah Melayu bagi memenuhi Revolusi Perindustrian di Eropah. Kedatangan mereka bukan sahaja tertumpu kepada ekonomi malah ingin menguasai bidang politik dan sosial di Tanah Melayu. Ini kerana mereka beranggapan bahawa penguasaan terhadap politik dan sosial akan memberikan kelebihan kepada mereka dalam mencapai matlamatnya untuk menguasai ekonomi di Tanah Melayu (Mohd Zariat Abdul Rani, 2006). Selaras dengan itu pelbagai usaha dan strategi yang dirancang untuk mencapai matlamatnya. Salah satu cara dengan mengubah persepsi masyarakat Melayu bahawa penjajahan itu merupakan sesuatu yang memberikan kebaikan kepada mereka (Al-Attas, 1972). Hal ini dilakukan dengan membuat beberapa dasar yang disebut oleh Al-Attas 'Deislamisasi' (*Deislamization*) atau memutuskan orang Melayu daripada Islam (Ungku Maimunah Mohd. Tahir, 2019).

Menurut Al-Attas (1972) 'Deislamisasi' ini dibuat oleh penjajah dengan mengangkat mereka sebagai kuasa yang bertanggungjawab mentamadunkan peribumi yang dikatakan kolot dan jauh ketinggalan kerana mempercayai unsur-unsur mitos dan khurafat. Tetapi mereka tidak melihat sumbangan Islam yang begitu besar pada zaman tersebut malah mereka hanya menumpukan kepada zaman pra-Islam. Dengan cara tersebut mereka menyebarkan wacana dan ideologi sekularisme yang sangat berpengaruh di Barat ke dalam pentadbiran dan pendidikan di Tanah Melayu iaitu dengan menggugurkan al-Quran sebagai mata pelajaran dalam sistem pendidikan di sekolah dan menukarkan tulisan Jawi ke Rumi (Ungku Maimunah Mohd. Tahir, 2019). Hal ini dianggap moden kerana agama telah dipisahkan daripada kehidupan seharian.

Seterusnya, pembaharuan dalam kesusasteraan dimulakan oleh Munshi Abdullah apabila karya-karya beliau seperti *Hikayat Abdullah* dan *Kisah Pelayaran Abdullah ke Kelantan* dikatakan mengandungi elemen-elemen moden iaitu mempunyai nama pengarang, penggunaan kata ganti nama diri pertama, huraian realistik tentang sesuatu peristiwa, sejarah, dan kritikan keras terhadap budaya, struktur sosio-politik, dan amalan masyarakat Melayu (Putten, 2006). Sebagaimana menurut Za'ba yang dipetik oleh Ungku Maimunah (2019) bahawa Munshi Abdullah merupakan pengarang pertama yang menyimpang daripada tradisi lama yang berlegar pada cerita-cerita sakti

dan sejarah bersifat '*legend*'. Sebaliknya beliau merakam peristiwa kontemporari dalam bentuk baru atau dipanggil '*Realisme*'.

Kemodenan yang diperkenalkan oleh Munshi Abdullah dalam Kesusasteraan Melayu Moden adalah unsur Realisme yang dapat dilihat dalam autobiografi dan travelog beliau. Karya-karya ini dihasilkan berkat dorongan Alfred North, seorang mubaligh Eropah yang juga pelajar bahasa Melayu kepada Munshi Abdullah. Galakan tersebut diberikan setelah North melihat karya-karya kepengarangan Melayu hanya memaparkan kisah-kisah yang dianggap bodoh dan khurafat (Putten, 2006). Penobatan Munshi Abdullah sebagai Bapa Kesusasteraan Melayu Moden telah meninggalkan kesan yang mendalam dalam Kesusasteraan Melayu. Tambahan lagi Munshi Abdullah turut menerapkan elemen Realisme dalam syair beliau seperti *Syair Singapura Terbakar*, *Syair Kampung Gelang Terbakar* dan beberapa yang lain. Hal ini membuktikan syair turut dapat dijadikan wahana Realisme dalam Kesusasteraan Melayu. Bertitik tolak daripada itu dua objektif kajian dikemukakan iaitu mengenal pasti unsur-unsur Realisme menurut kemodenan kesusasteraan Munshi Abdullah dan menganalisis unsur-unsur Realisme menurut kemodenan kesusasteraan Munshi Abdullah dalam bahan kajian yang dikarang pada abada ke-19 Masihi iaitu *Syair Muhammad Salleh*.

2. Tinjauan Literatur

2.1 Kajian-kajian tentang kemodenan kesusasteraan

Sorotan kajian-kajian lepas mengenai kemodenan kesusasteraan dilakukan oleh Rahimah Hamdan (2023) yang bertajuk "*The Development of Munshi Abdullah's Framework of Modernity in Malay Literature: a Critical Observation*". Kajian ini membangkitkan permasalahan tentang perdebatan antara sarjana yang menyanggah penobatan Abdullah Munshi sebagai Bapa Kesusasteraan Melayu Moden. Kajian ini mengemukakan dua objektif iaitu yang pertama mengklasifikasi pendapat sarjana mengenai kemodenan kesusasteraan Abdullah Munshi sejak zaman kolonialisasi sehingga kini. Objektif kedua adalah membina kerangka kemodenan kesusasteraan Munshi Abdullah secara komprehensif. Kajian ini menggunakan pendekatan '*grounded theory*' iaitu penjaan data untuk mencari dan membina teori daripada data yang diperolehi. Hasil kajian yang diperolehi selepas merumuskan perspektif sarjana mengenai kemodenan kesusasteraan Munshi Abdullah mengikut zaman iaitu sebelum kemerdekaan 1957 dan selepas merdeka iaitu pada tahun 1958 sehingga kini mendapati terdapat dua kerangka yang membentuk kemodenan Munshi Abdullah iaitu Realisme dan individualisme.

Penelitian yang seterusnya dengan meneliti sebuah tesis yang telah dijalankan oleh Rahimah Hamdan (2021) yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah doktor falsafah yang bertajuk "*Kerangka Kemodenan Kesusasteraan Abdullah Munshi dalam Syair Pilihan*". Permasalahan yang dikemukakan dalam kajian ini adalah tiada sarjana yang mengembangkan kajian terhadap bentuk syair dan hubungannya dengan kemodenan sastera sehingga mewujudkan jurang dalam penyelidikan. Kajian ini mengemukakan tiga objektif iaitu yang pertama mengenal pasti ciri-ciri yang membentuk kerangka kemodenan sastera Munshi Abdullah. Objektif kedua menganalisis syair-syair pilihan berdasarkan kerangka kemodenan sastera Munshi

Abdullah. Manakala objektif ketiga adalah merumuskan unsur-unsur kemodenan sastera dalam syair-syair pilihan berdasarkan kerangka Munshi Abdullah. Dapatan kajian yang diperolehi dalam kajian ini ialah kerangka kemodenan Munshi Abdullah berteraskan kepada konsep Realisme dan individualisme. Realisme berteraskan kepada logik dan menolak unsur tahyul dan khurafat. Manakala individualisme adalah mementingkan kepada pandangan individual dan penolakan kepada autoriti institusi. Dapatan kajian yang kedua mendapati lima syair pilihan menepati kerangka kemodenan sastera Munshi Abdullah yang diperjelaskan menerusi hubungan syair dengan khalayaknya.

2.2 Kajian tentang Realisme

Kajian berkaitan dengan Realisme dilakukan oleh beberapa orang pengkaji. Antaranya telah dijalankan oleh Rahimah Hamdan, Arba'ie Sujud, dan Abdul Halim Ali (2023) yang bertajuk "Realiti Letusan Gunung Berapi Tambora 1815 dalam Syair". Permasalahan kajian bertitik tolak daripada tiada kajian-kajian lalu yang menghubungkan syair sebagai medium utama paparan realiti peristiwa di Alam Melayu. Hal ini menyebabkan berlakunya jurang dalam kajian apabila tiada sarjana yang mengembangkan bentuk syair sebagai medium paparan realiti sebagaimana yang menjadi fokus utama kemodenan sastera menurut acuan Barat. Justifikasi kajian ini dijalankan agar bentuk syair dapat diangkat secara saintifik, adil, dan telus menerusi peristiwa letusan Gunung Berapi Tambora pada tahun 1815. Dalam kajian ini mengemukakan dua objektif iaitu mengenal pasti ciri-ciri Realisme menurut kemodenan sastera Melayu dan menganalisis unsur Realisme dalam syair berdasarkan peristiwa letusan Gunung Berapi Tambora pada tahun 1985. Dapatan kajian mendapati unsur Realisme yang menekankan kepada logik iaitu memaparkan peristiwa sehari-hari atau semasa menepati kandungan syair ini. Hal ini juga membuktikan bahawa syair dapat merakamkan peristiwa letusan Gunung Berapi Tambora dengan tepat dan rinci yang dimurnikan dengan penggunaan bahasa perlambangan.

Penelitian diteruskan dengan meneliti kajian-kajian lalu yang telah dijalankan oleh Rahimah Hamdan dan Arba'ie Sujud (2021) yang bertajuk "Klasifikasi Realiti dalam Syair Menurut Masyarakat Melayu Tradisional". Permasalahan yang dikemukakan dalam kajian ini adalah tentang berlaku kontradiksi antara golongan sarjana kerana terdapat golongan sarjana merasionalkan unsur realiti sebagai cerminan realiti sosial, pemikiran dan *worldview* masyarakat Melayu dan sebaliknya. Kajian ini mengemukakan dua objektif iaitu yang pertama menjelaskan perspektif 'realiti' dalam kepengarangan masyarakat Melayu tradisional. Objektif kedua mengklasifikasikan semula syair berasaskan realiti mengikut tema tertentu serta membandingkan klasifikasi syair itu berteraskan kepada konsep 'kesedaran diri sastera' yang melibatkan seluruh lapisan masyarakat. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini untuk mencapai objektif yang dikemukakan adalah melalui kaedah '*close reading*' terhadap beberapa pendapat sarjana mengenai realiti. Hasil dapatan menunjukkan bahawa klasifikasi syair berasaskan realiti kehidupan masyarakat yang diketengahkan oleh para sarjana terdahulu perlu menepati beberapa kriteria yang dicadangkan agar satu klasifikasi yang telus dapat diperolehi dengan memanfaatkan peristiwa yang dialami oleh raja, pemerintah atau kolonial dan rakyat.

2.3 Kajian tentang syair

Kajian berkaitan syair turut dilakukan oleh pengkaji iaitu dilakukan oleh Rahimah Hamdan (2020) yang bertajuk “Menawan hati Melayu: Perspektif Pengarang *Syair Tuan Hampris* Terhadap Kolonial”. Permasalahan kajian yang dikemukakan adalah tentang *Syair Tuan Hampris* yang masih belum ada kajian yang dilakukan terhadap syair ini dan pengarang Hajah Wok Aisyah. Objektif kajian ini adalah mengenal pasti perspektif pengarang terhadap kolonial dan menganalisis hubungan pengarang dengan kolonial dalam syair. Metodologi kajian yang digunakan adalah analisis teks menggunakan perspektif lapan panduan ‘menawan hati individu Melayu’ yang dikemukakan oleh Residen Jeneral British pertama di Persekutuan Tanah Melayu iaitu Sir Frank Swettenham dalam “*The Malay Sketches*” pada tahun 1895. Dapatan kajian adalah *Syair Tuan Hampris* mengajak khalayak ke satu spektrum perhubungan yang unik antara masyarakat yang dijajah dengan kolonial. Melalui syair tersebut pengarang menggap kolonial sebagai individu yang baik dan dipandang mulia dalam setiap tindak-tanduknya.

Seterusnya penelitian beralih kepada kajian yang telah dilakukan oleh Roshazli Razali (2021) bertajuk “Unsur Sejarah sebagai Satu Strategi Naratif dalam *Syair Perang Menteng* dan *Syair Sultan Maulana*: Satu Kajian Bandingan”. Permasalahan yang dikemukakan dalam kajian ini tentang masih belum ada kajian yang khusus dilakukan yang melibatkan *Syair Perang Menteng* dan *Syair Sultan Maulana* secara perbandingan. Terdapat tiga objektif yang dikemukakan dalam kajian ini, yang pertama mengenal pasti unsur-unsur sejarah yang telah digunakan oleh pengarang sebagai ilham penciptaan dalam *Syair Perang Menteng* dan *Syair Sultan Maulana*. Objektif kedua menganalisis ideologi pengarang yang terdapat dalam *Syair Perang Menteng* dan *Syair Sultan Maulana* sebagai idea untuk mengangkat kedudukan Sultan Mahmud Badaruddin II dalam *Syair Perang Menteng* manakala Sultan Maulana dalam *Syair Sultan Maulana*. Objektif ketiga pula membandingkan strategi peperangan orang Melayu Palembang dalam *Syair Perang Menteng* dan orang Melayu Kedah dalam *Syair Sultan Maulana*. Kajian ini menggunakan teori naratif oleh Mieke Bal (2017) dan kerangka konsep sastera perbandingan oleh Susan Bassnett (1991). Dapatan kajian ke atas kedua-dua syair perang ini penting untuk menonjolkan kekuatan dan keistimewaan teks ini berbanding teks-teks syair perang yang lain.

Berdasarkan penelitian kajian terkini mendapati terdapat beberapa kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji berkaitan dengan realiti yang dihubungkan dengan syair-syair Melayu. Walaupun kajian berkaitan realiti telah dijalankan oleh beberapa orang pengkaji namun kajian tersebut belum dilakukan secara menyeluruh. *Syair Muhammad Saleh* juga merupakan sebuah syair yang memaparkan realiti jenayah yang berlaku pada ketika itu namun unsur Realisme yang diperkenalkan Barat menafikan menolak syair sebagai medium paparan realiti.

3. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah analisis teks terhadap karya *Syair Muhammad Saleh* dengan bagi menjawab objektif satu dan dua iaitu mengenalpasti dan menganalisis unsur Realisme menurut kemodenan kesusasteraan Munshi Abdullah dalam *Syair Muhammad Saleh*. Aktiviti yang dilakukan untuk menjawab objektif satu, pertamanya perlu mendefinisikan Realisme dengan memberi huraian dengan jelas. Menurut *Kamus*

Dewan Edisi Keempat (2007:1298) Realisme merupakan fahaman atau ajaran yang berdasarkan kenyataan atau fakta yang menggambarkan kehidupan yang sebenar. Manakala menurut *The Concise Oxford Dictionary of Literary Terms* (1991:184) Realisme sebagai “*a mode of writing that gives the impression of recording or reflecting faithfully an actual way of life*”. Realisme merupakan satu aliran atau ideologi gerakan intelektual dan seni yang muncul di Paris pada kurun ke-19. Ideologi ini muncul disebabkan berlaku pemberontakan kepada fahaman romantisme yang ketika itu mendominasi dunia seni dan juga sastera, terutamanya di Perancis (Ungku Maimunah Mohd. Tahir, 2009:16). Ideologi ini juga melahirkan masyarakat yang bersifat materialisme dan mementingkan kebendaan. Manakala aktiviti untuk menjawab objektif dua adalah dengan mengenal pasti kerangka kemodenan yang digunakan. Dalam kajian ini memfokuskan kepada Realisme dalam kerangka kemodenan kesusasteraan Munshi Abdullah oleh Rahimah Hamdan (2023). Menurut kerangka kemodenan kesusasteraan Munshi Abdullah, Realisme merupakan unsur yang pertama yang menjadi ciri pembentukan kerangka kemodenan Munshi Abdullah. Ungku Ungku Maimunah Mohd. Tahir yang dipetik oleh Rahimah Hamdan (2023) menyatakan bahawa Realisme yang ditekankan oleh Barat adalah tentang ketepatan realiti atau realiti konkrit yang berlaku dalam masyarakat. Menurut Skinner (1978) Munshi Abdullah mengetengahkan Realisme dalam karyanya berdasarkan kepada gambaran perkara-perkara harian yang berbeza daripada dunia khayalan Melayu yang dipenuhi dengan kisah-kisah magis dan sakti. Hal ini didorong oleh Alfred North merupakan sarjana Barat yang pertama memperkenalkan aspek Realisme iaitu ‘berpijak di dunia yang nyata’ dalam penulisan kepada Munshi Abdullah sehingga dapat melahirkan karya yang berbentuk moden iaitu autobiografi dan travelog seperti *Hikayat Abdullah Munshi* dan *Kisah Pelayaran Abdullah Munshi*. Alfred North memberi beberapa panduan penulisan iaitu mengarang dengan minat yang mendalam, tidak pernah dihasilkan oleh mana-mana individu Melayu, mampu memperbaiki pemikiran masyarakat Melayu dan perlu mengenai peristiwa sehari-hari (Rahimah Hamdan, 2023). Kriteria Realisme yang menjadi penentu “kemodenan” dalam kesusasteraan Melayu oleh Abdullah Munshi adalah berdasarkan apa yang diamati, dialami dan dapat diterima oleh akal kerana Realisme pada tahap ini hanya berteraskan kepada pengamatan dan pengalaman. Munshi Abdullah menggunakan kriteria aliran Realisme ini dalam karya beliau iaitu berteraskan kepada berpijak di bumi yang nyata, rinci dan teliti serta mengungkapkan hal-hal harian. Oleh itu penekanan kepada logik atau fakta berdasarkan peristiwa sehari-hari atau semasa serta penolakan terhadap tahyul dan khurafat merupakan asas kepada kerangka kemodenan Munshi Abdullah. Namun Munshi Abdullah tidak dapat mengelakkan diri beliau daripada menghindari penilaian agama, moral, etika dan bersikap objektif kerana beliau seorang individu yang patuh dengan ajaran Islam.

4. Dapatan dan Perbincangan

Unsur Realisme menurut kerangka kemodenan kesusasteraan Munshi Abdullah adalah penekanan kepada logik atau fakta berdasarkan peristiwa sehari-hari atau semasa serta penolakan terhadap tahyul dan khurafat. Bahan kajian iaitu *Syair Muhammad Saleh* memaparkan paparan peristiwa semasa dalam kelompok masyarakat di sesebuah tempat yang disaksikan oleh lima pancaindera. Syair ini memaparkan peristiwa semasa yang dihasilkan pada abad-19 Masihi yang mengandungi 353 rangkap oleh seorang pengarang Melayu yang tidak diketahui identitinya. Syair ini menyentuh tentang peristiwa jenayah iaitu pembunuhan ke atas seorang ulama dari Arab. Syair ini hanya

memfokuskan kepada cara menyelesaikan kes jenayah dan menangkap pelaku sebenar yang membunuh ulama tersebut. Hal ini disebabkan ketiadaan bukti di kawasan pembunuhan memberi kesukaran kepada polis untuk menjejak pelaku. Oleh itu pelbagai saksi dikumpulkan bagi mencari penjenayah tersebut dan satu pengadilan diadakan untuk menjatuhkan hukuman kepada pelaku. Peristiwa yang dikemukakan dalam syair tersebut agak berlainan daripada cerita-cerita lain kerana ia memaparkan realiti yang berpijak di bumi yang nyata iaitu sebuah kejadian atau peristiwa jenayah yang benar-benar berlaku pada ketika itu. Karya atau isu berkaitan penyelesaian jenayah pada ketika tidak banyak dihasilkan. Hal ini disebabkan konsep kepengarangan yang berkembang di Alam Melayu agak lewat. Namun pada 1930-an dan awal 1940-an cerita jenayah dalam bahasa Melayu semakin disesuaikan dengan budaya dan pandangan dunia tempatan dan melahirkan beberapa karya terumatamanya dalam bentuk novel berkaitan jenayah (Kukushkina, 2020). Pengarang *Syair Muhammad Saleh* merakam dan menggambarkan peristiwa jenayah tersebut secara rinci dan teliti. Ini merupakan salah satu ciri Realisme yang diperkenalkan oleh Barat. Justeru dalam dapatan kajian ini, peristiwa semasa yang berkaitan dengan jenayah yang terdapat dalam *Syair Muhammad Saleh* ialah peristiwa mendapatkan saksi pembunuhan, peristiwa pengadilan Muhammad Saleh dan peristiwa Muhammad Saleh mendapat hukuman. Justeru, penekanan kepada peristiwa semasa dalam kelompok masyarakat di sesebuah tempat yang disaksikan oleh lima pancaindera menurut *Syair Muhammad Saleh* hanya membincangkan beberapa sub-topik yang relevan. Ini selari dengan dengan pembicaraan Realisme dalam kemodenan Kesusasteraan menurut Munshi Abdullah. Sub-topik tersebut adalah peristiwa mendapatkan saksi pembunuhan, peristiwa pengadilan Muhammad Saleh dan peristiwa Muhammad Saleh dihukum yang akan dibicarakan secara rinci seperti berikut:

i) *Peristiwa mendapatkan saksi pembunuhan*

Menurut *Kamus Dewan Edisi* (2007:1370) ‘saksi’ merujuk kepada seseorang yang mengetahui atau melihat peristiwa yang berlaku. Selain itu Azizah Rapini (2018) menyatakan bahawa ‘saksi’ ialah pihak yang dapat memberikan keterangan tentang sesuatu kejadian dan beliau amat dipercayai. ‘Saksi’ juga merupakan individu yang perlu mengetahui fakta tentang sesuatu kejadian dan keterangan. Dalam sesebuah kes sama ada kes jenayah atau sebagainya saksi merupakan individu yang terpenting kerana saksi dapat memberikan keterangan langsung mengenai perkara yang dilihat dan didengar berkaitan dengan kes tersebut. ‘Saksi’ juga dapat mengisi jurang maklumat yang terdapat dalam penyiasatan atau keterangan yang dikemukakan oleh pihak-pihak lain. Hal ini dapat membantu pihak berkuasa atau polisi untuk mengetahui kejadian sebenar yang berlaku dan dapat menyelesaikan atau menjejaki pesalah dengan mudah iaitu dengan merujuk kepada keterangan yang dibuat oleh saksi. Dalam *Syair Muhammad Saleh* memaparkan satu kejadian jenayah yang berlaku dalam kalangan masyarakat iaitu satu pembunuhan terhadap seorang ulama dari Arab. Kejadian tersebut meninggalkan impak yang mendalam dalam kalangan masyarakat kerana ulama tersebut merupakan seorang yang masyhur atau dikenali dalam masyarakat. Berita kematian tersebut diperolehi daripada polisi setelah pihak mereka menemui seorang mayat. Hal ini dapat dilihat pada petikan tersebut:

Bismillah itu permulaan karang
Sya’ir cerita amat yang terang
Ini cerita zaman sekarang

Satu Arab dikenal orang

Ini cerita di kampung lima
Baru-baru nilah belum lama
Satu Arab bangsa ulama
Mati terbunuh sudah percuma

(Rangkap 1 dan 2)

Penemuan mayat tersebut memerlukan polisi untuk melakukan proses siasatan untuk mengenal pasti pelaku dan menentukan punca kematian. Ketiadaan penemuan bukti di sekitar tempat kejadian menyukarkan pihak polisi mendapatkan maklumat tentang kejadian pembunuhan. Dengan itu polisi perlu mendapatkan sebanyak mungkin saksi untuk mendengar keterangan dengan menggunakan kaedah penyiasatan tempat kejadian dan kawasan sekitarnya. Hal ini mempercepatkan lagi proses siasatan diselesaikan dan secara tidak langsung dapat mengetahui siapa yang pelakunya. Hal ini dapat dilihat dalam *Syair Muhammad Saleh* yang memparkan realiti polisi yang sedaya upaya mendapatkan sebanyak mungkin saksi atau sebarang bukti yang dapat dikaitkan dengan kematian ulama. Polisi juga telah mengunjungi tempat tinggal ulama tersebut untuk mendapatkan keterangan daripada individu-individu yang rapat dengannya kerana dengan cara tersebut dapat membantu proses siasatan. Setelah mengunjungi tempat tersebut polisi berjaya menemui seorang saksi yang merupakan saksi pertama kes pembunuhan tersebut. Saksi tersebut ialah seorang Arab yang berbangsa Habsyi yang tinggal berhampiran kawasan tersebut. Saksi tersebut menyatakan bahawa ulama pergi ke Mistar dengan pencalang untuk mengutip hutang di rumah Muhammad Saleh kerana Muhammad Saleh berjanji untuk bayar pada bulan Ogos namun ulama itu tidak pulang-pulang dan mendatangkan kerisauan kepada beliau. Setelah mendengar keterangan saksi pertama, polis mula membuat suspek awal Muhammad Saleh sebagai pelaku yang membunuh ulama daripada Arab itu. Hal ini dapat dilihat pada petikan tersebut:

Sudah ketahuwan sama polisi
شكوهة ابيدان كوميشي datang
dicari segala saksi
Ada satu Arab bangsa Habsyi

Lantas diya yang sudah bilang
Dari kemarinlah belum pulang
Begitu katanya sama pencalang
Masyghul (sibuk) hatinya bukan kepalang

Saya ini akan sudah rasa
Begitu kemarin akan katanya
Mahu pergi Mistar minta' hutangnya

Dari bermula sudah cerita
Muhammad Saleh yang hutang harta
Sebabnya landerat yang sudah sita
Begitu dia bilang akan beta

Muhammad Saleh yang janji pasti
Semua polisi dengar mengerti
Jadi polisi sangka di hati
Barangkali dia yang bunuh mati

(Rangkap 4-9)

Cerita ini diteruskan dengan penemuan saksi baru yang merupakan saksi yang kedua iaitu bernama Meran. Polisi mendapatkan keterangan daripada Meran dengan menyuruhnya bercerita tentang perkara yang diketahuinya berkaitan dengan kematian ulama. Meran kemudiannya mula bercerita bahawa dirinya melihat kahar (kereta kuda) yang berwarna merah dan kuda berwarna putih sedang berjalan, kemudiannya ia meminta kahar tersebut berhenti kerana ia curiga melihat kahar tersebut. Setelah kahar itu berhenti kemudiannya Meran bertanya siapa di dalam kahar tersebut merujuk kepada ulama. Orang tersebut menjawab itu adalah orang sakit dan Meran langsung tidak berfikir itu adalah ulama yang mati dibunuh. Hal ini dapat dilihat pada petikan di bawah:

Sebenarnya hamba melihat past
كاهرها merah kudanya putih
Sebab tiada lama dia berhenti
Hamba tiada sangkalah Arab mati

(Rangkap 19)

Seterusnya polisi menemui saksi yang ketiga iaitu Murat. Setelah mendengar keterangan daripada para saksi tersebut polisi membuat analisis keterangan-keterangan untuk melihat sama ada terdapat persamaan atau perbezaan. Dalam kes ini polisi mendapati keterangan tersebut yang saling berhubung dan menyebabkan mereka telah mensuspek Muhammad Saleh sebagai pelaku atau pembunuh ulama. Setelah mengetahui suspek kemudiannya pendakwa menulis surat kepada Rasyidin Kota (pemimpin) tentang perkara yang berlaku. Kemudiannya menghantar pula surat kepada Gabenor Jeneral, setelah menerimanya ia mendapat kata sepakat dengan panglima. Muhammad Saleh kemudiannya mendapat surat tangkapan dan rumahnya dikepung untuk mendapatkan keterangan dan beliau menjadi berang. Rasyidin kemudiannya mengeluarkan perintah agar menangkap Muhammad Saleh dan dibawa ke buwaya (penjara) dengan kereta. Hal ini dapat dilihat pada petikan tersebut:

Sudah terang Murat cerita
جكشا mendengar yang sudah nyata
جكشا menulis pena dan cinta
Kasi tahu sama Rayidin Kota

Sudah muafakat sekalian polisi
Memberi tahu kepada Rasyidin si
Telah kabarnya sudah dikasi
Rumah Muhammad Saleh disuruh كوميشي

(Rangkap 37-38)

Kirim surat tanya sama-sama
Gabenor Jeneral sudah terima
Sudah muafakat sekalian panglima

Segera ter'isi جیدان bersama-sama

Dikirim kabar surat di الق
Muhammad Saleh dikasi اومشالق
Jadi اومتانر terlalu galaq
Apa mahunya sudah ditolak

Muhammad Saleh berhenti jadi polis
Surat اومشالق sudah dikasi
Segera rumahnya جکشا کومیشي
dicari keterangan biar berisi

مندور او فش جکشا sarat
Tuan Rasyidin sudah perintah
Ikat Muhammad Saleh sama peta
Bawa ke buway sama kereta

(Rangkap 40-43)

ii) *Peristiwa pengadilan Muhammad Saleh*

Menurut *Ensiklopedia Indonesia* Jilid 5 yang dipetik Ahmad Asif dan Ja'far Shodiq (2022) 'pengadilan' merujuk kepada badan atau organisasi yang ditubuhkan untuk mengurus dan membuat keputusan. Pengadilan terhadap sesuatu kes dijalankan di mahkamah mengikut prosedur-prosedur yang ditetapkan. Ia melibatkan pihak-pihak yang berkonflik, yang membawa kes mereka untuk dinilai dan diputuskan oleh beberapa orang hakim berdasarkan peraturan undang-undang yang ada. Pengadilan ini berfungsi untuk menyelesaikan pertikaian, penegakan undang-undang dan perlindungan hak untuk mendapat keputusan yang adil. Dalam pengadilan terdapat beberapa proses iaitu pengajuan kes, perbicaraan, dan keputusan. Dalam syair memaparkan realiti pengadilan kes jenayah pembunuhan ulama. Pengadilan ini diketuai oleh Rasyidin sebagai individu yang bertanggungjawab dalam memutuskan keputusan. Hal ini dikatakan demikian kerana menurut sistem pentadbiran dan kehakiman Islam di Alam Melayu menunjukkan pemerintah iaitu Sultan sebagai ketua dalam bidang legislatif, eksekutif dan mahkamah (Ramizah Wan Muhammad, 2009). Pengadilan tersebut menyatakan Muhammad Saleh sebagai tertuduh yang melakukan jenayah pembunuhan ke atas seorang ulama dan beberapa orang saksi telah dipanggil untuk memberi keterangan serta bukti yang menunjukkan bahawa Muhammad Saleh benar-benar bersalah. Proses pengadilan ini dinyatakan secara rinci oleh pengarang. Pengadilan ini bermula dengan mengumpulkan kesemua saksi dan kemudiannya polis menghadapkan Muhammad Saleh ke muka pengadilan untuk memulakan perbicaraan. Saksi-saksi semua dipanggil untuk memberikan keterangan dan beserta dengan bukti supaya dapat menangkap pelaku yang sebenarnya. Kesemua saksi yang diperolehi untuk perbicaraan kes Muhammad Saleh ialah sebanyak 25 orang yang terdiri daripada golongan tua dan muda yang pelbagai jantina. Hal ini dapat dilihat pada petikan di bawah:

Dipanggilin saksi semuanya
Saksi yang muda dan yang tua
Banyaknya saksi semua
Seperti ikan di dalam rawa

(Rangkap 94)

Jadi semua dua puluh lima
tiada disebut dia punya nama
semua dipanggil bersama-sama
Ini perkaralah sudah lama
96)

(Rangkap

Pada hari perbicaraan terdapat ramai saksi yang datang ke kantor kota dan Muhammad Saleh juga datang dengan menaiki kereta pada pukul 8 pagi dan ditunggu oleh oleh pegawai yang gagah perkasa di hadapan sambil memegang tombak. Muhammad Saleh menuruni kereta dan melihatnya elok rupa yang lengkap dengan pakaiannya. Diwajahnya terserlah ketidakpuasan hatinya dengan memaparkan muka yang masam dan tiada sedikitpun senyuman manis dilemparkan olehnya. Perbicaraan kes sudah bermula dengan memanggil saksi yang pertama iaitu bernama Murat. Soalan pertama yang ditanya oleh rasyidin kepada Murat ialah siapa lelaki yang berpakaian dan bersepatu itu iaitu merujuk kepada Muhammad Saleh. Murat menjawabnya ia adalah Muhammad Saleh. Tujuan soalan tersebut ditanyakan adalah untuk memastika bahawa apa yang dilihat oleh Murat sewaktu kejadian adalah benar-benar Muhammad Saleh. Kemudian Murat diminta untuk menceritakan tentang apa yang diketahui tentang Muhammad Saleh dan melarang Murat untuk tidak bercakap bohong. Hal ini dapat dilihat pada petikan di bawah:

Dipanggil saksi yang nombor satu
Bernama Murat saksi yang tentu
Ditanyakanlah siapalah itu
yang pakai جش sama sepatu

(Rangkap 108)

Hi Murat saksi yang nyata
Apa yang engkaw tahu lakinya cerita
Jangan engkaw bicara dusta
Lekas bilang kepada beta

(Rangkap
111)

Murat kemudiannya mula bercerita tentang perkara yang dilalui dan diketahuinya. Pada waktu tersebut Murat ingin ke pasar dan beliau melihat sebuah kahar (kereta kuda) tersasar. Kahar tersebut disewa dan dinaiki oleh Muhammad Saleh dan dia membawa seseorang yang ditutup dengan kekudung (tudung) putih. Pada waktu itu Murat tidak menyangka bahawa orang yang bersama Muhammad Saleh itu ialah ulama yang mati. Hal ini dapat dilihat pada petikan berikut:

Permisi bicaralah tuan besar
Harap tuanlah jangan gusar
Tempoh itu hamba mahu ke pasar
Hamba melihat كاهر tersasar

Muhammad Saleh yang sudah sewa
Sama Muhammad betul dia berdua
Orang ke kudunglah dia bawa
Serata dipegang akan berdua

Orang ke kudung sama ka'in putih
Dina'ikkan كاهر yang sudah pasti
Hamba tiada sangkalah Arab mati
Sebab tiada lama berhenti

(Rangkap 112 – 114)

Rasyidin kemudiannya bertanya soalan yang seterusnya iaitu masa kejadian itu berlaku, pakaian yang dipakai oleh Muhammad Saleh dan siapa yang bersama dengannya ketika itu iaitu:

Engkau lihat pukul berapa
Muhammad Saleh memaki apa
Teman engkau siapa-siapa
Jika betul berani sumpah

(Rangkap 116)

Murat menjawab soalan tersebut dengan menyatakan bahawa ia ketika itu sendirian, tidak ditemani oleh sesiapa dan pakaian Muhammad Saleh pakai adalah pakaian biasa seperti yang dipakai setiap hari seperti berikut:

Itu tempoh hamba sendiri
Tiada berteman kanan dan kiri
Pakaiannya juga seperti sehari-hari
Lagipun hamba tiada fikiran

(Rangkap 117)

Rasyidin sedang berfikir, kemudian saksi Murat dikeluarkan dan rancang untuk mendengar keterangan saksi yang lain. Manakala Muhammad Saleh tidak menerima dan membatah perkara yang dikatakan oleh saksi Murat iaitu:

Rasyidin rata segera fikiran
Saksi Murat dikeluwarin
Saksi yang la'in mahu di aturin
Yang sudah diperiksa اوفش singkirin

(Rangkap 119)

Orang menonton pada cerita
Ini perkaralah kurang nyata
Muhammad Saleh masih berbantah
tiada terima saksi punya kata

(Rangkap
122)

Perbicaraan pada hari tersebut dihentikan dan diteruskan pada hari Sabtu. Muhammad Saleh dan semua saksi datang ke kantor kota untuk meneruskan perbicaraan yang seterusnya. Rasyidin kemudiannya memanggil saksi lelaki yang seterusnya iaitu bujang dan bertanya soalan kepada bujang kenapa dia diusir. Hal ini dapat dilihat pada petikan tersebut:

Lantas dipanggil akan bujangnya
Satu lelaki ke dua bininya
Rasyidin rata lalu menanya
Engkau diusir apa sebabnya

(Rangkap 158)

Bujang berkata bahawa ia berhenti kerana ingin pergi ke sebuah tempat dan ia tidak mempunyai alasan untuk marah atau kecewa. Bujang juga menegaskan bahawa keputusannya untuk berhenti adalah jelas dan majikannya juga tidak melarang untuk pergi. Hal ini dapat dilihat pada petikan berikut:

Hamba permisi henda' bicara
Makanya hamba berhenti segera
Hamba hendak pergi تأثير
Bab qanun tiada berhati marah

Hamba berhentilah dengan terang
Bab pun juga tiada melarang
Bukan berhenti sembarang-barang
Dan lagi tiada membawa barang

(Rangkap 160-162)

Rasyidin sedang berfikir dan tidak dapat lagi membuat keputusan kemudian Rasyidin bertanya pula kepada Muhammad Saleh kenapa memberhentikan bujang dan Muhammad Saleh jawab bahawa kerana anaknya sakit lalu dia suruh Bujang pindah dan diberikan gaji kepadanya. Rasyidin kemudian berfikir dan Bujang dikeluarkan lalu panggil saksi seterusnya iaitu:

Hi Muhammad Saleh orang berbakti
Segera bicara berganti ganti
Apa engkaulah sakit hati
Apa sebabnya bujangmu berhenti

Permisi bicara tuwan yang ada
Permisi hamba buwat bersabda
Makanya diya hamba suruh pinda
Anaknya sakit yang paling muda

Mulanya dia hamba berhentikan
sebabnya anaknya sakit كودين
Menjadi hamba tiyada bisa makan
Lantas gajinya hamba serahkan

(Rangkap 166-168)

Perbicaraan diteruskan dengan memanggil saksi perempuan pula yang bernama Jina iaitu merupakan ibu mertua Muhammad Saleh. Rasyidin kemudiannya menyuruh ma' Jina memberikan kenyataan tentang perkara yang diketahuinya seperti berikut:

Hai ma' Jina orang perempuan
Apa ma' Jina punya ketahuwan
Segera bilang kepada tuwan
Ma' Jina menyahut malu maluwan

(Rangkap 173)

Ma' Jina berkata bahawa Muhammad Saleh datang ketuk pintu rumahnya pada 1:00 pagi dan ma' Jina dengan baik bertanya Muhammad Saleh ia datang dari mana, lalu katanya dari sana untuk mengambil Nuna. Ma' Jina bertanya kenapa malam buta dan mensyorkan Muhammad Saleh untuk mengambil besok. Ma' Jina kemudiannya menyuruh Muhammad Saleh pulang dahulu dan dia akan menghantar Nuna pada keesokan pagi atau tengah hari. Muhammad Saleh pada awalnya tidak bersetuju dengan cadangan tersebut kerana di rumahnya tiada orang dan akhirnya Muhammad Saleh mengalah pulang kerana esok dia bekerja iaitu:

Muhammad Saleh hamba punya menantu
Benar sekali diya datang ketika itu
Kira-kira malamlah pukul satu
Dia pulang mengetuq pintu

Hamba menanya dengan sempurna
Menantu pulanglah dari mana
Dia bilanglah dari sana
Saya mahu ambil akan si Nuna

Ada juga hamba berkata kata
Kenapa sampaylah malam buta
Besoq siyang ba'ik شينا
Hamba bilang bukan perintah

Jangan pulang bikin hari
Menantu saja pulang sendiri
Si Nuna besoq saya hantarin
Atau pagi atau tengahari

(Rangkap 176-179)

Rasyidin menanyakan soalan yang seterusnya kepada ma' Jina iaitu berkaitan dengan pakaian yang dipakai oleh Muhammad Saleh pada waktu itu dan pakaian yang dipakai tersebut biasanya Muhammad Saleh pergi kemana. Ma' Jina menjawab bahawa ia tidak pasti seperti berikut:

Sahut ma' Jina dengan dirasa
Adil terlalu Rasyidin memeriksa
Pakayannya itu pergi mana biyasa
Tiada ketahuwan senang dan susah

(Rangkap 183)

Kemudian saksi Jina dikeluarkan dan dipanggil saksi yang baru iaitu seorang saksi yang berbangsa cina yang bernama Guwan Suwi. Setelah diberi keizinan oleh Rasyidin untuk memberikan keterangan tentang perkara yang ia ketahui, saksi itu kemudiannya menceritakan bahawa ketika ia berjalan ia ternampak sebuah kahar merah dan kudanya putih serta seorang pemuda iaitu Muhammad Saleh bersama seseorang yang bertutup ke kudung (tudung) putih menaiki kereta berganti-ganti. Guwan Suwi melihat dengan jelas Muhammad Salleh pegang dan peluk pinggang kerana tempat itu terang dan mempunyai lampu iaitu:

Permisi bicara tuwan baginda
Hamba permisi hendak bersabda
Hamba berjalan dapatnya kuda
كاهر merah orangnya muda

كاهر nya merah kudanya putih
Hamba melihat yang sudah pasti
كاهر Muhammad Saleh keluar sama orang ke kudung putih
Na'ik di kereta berganti ganti

Muhammad Saleh yang sudah pegang
Muhammad betul peluq diya punya pinggang
Jadi bertiga diya menunggang
Hamba berdiri di batu lenggang

(Rangkap 193-195)

Seterusnya dipanggil saksi seterusnya iaitu Tuan Haji. Beliau merupakan saksi yang paling dipercayai. Rasyidin kemudiannya bertanya kepada Haji Sa'abin adakah beliau mengenali lelaki tersebut iaitu merujuk kepada Muhammad Saleh. Haji Sa'abin berkata bahawa beliau mengenali lelaki tersebut iaitu namanya Muhammad Saleh. Haji Sa'abin meneruskan cerita bahawa ketika beliau pulang dari kampung duri ia melihat kahar sedang berlari dan Muhammad Saleh duduk di dalam kahar itu di sebelah kiri. Haji Sa'abin begitu pasti bahawa perkara yang dilihatnya adalah betul iaitu Muhammad Saleh bersam temannya yang bertutup dengan kain putih iaitu:

Hay haji سابين engkaw tahu apa Engkau
kenal ini siapa
Haji سابين menyahut lalu menempah
Telah berkata segala rupa

Permisi bicara tuwan semuwa
Hamba kenal ini orang duwa
Itu Muhammad Saleh جارا فيليان Jawa Itu
Muhammad betul duduq dibawa

Dengar tuwan hamba berper
Hamba pulang dari kampung duri
Melihat كهر yang lagi lari
Muhammad betul ada sebelah kiri

Terang hamba melihat pasti
Lama juga hamba berhenti
Muhammad Saleh dan Muhammad betul hamba lihati
Sama temannya ke kudung ka'in putih

(Rangkap 204-
207)

Muhammad Saleh lantas bangun menafikan apa yang diberitahu oleh saksi tersebut dan menyatakan bahawa ia tidak mengenali lelaki itu. Haji Sa'abin kemudiannya menjawab bahawa ia sangat mengenali Muhammad Saleh dan ibu bapanya. Seterusnya, Muhammad Saleh bertanya lagi bagaimana Haji Sa'abin melihat kahar sedangkan silau kerana terdapat lampu. Haji Sa'abin setuju dengan Muhammad Saleh bahawa di tempat tersebut terdapat lampu tetapi beliau betul-betul dapat melihat kuda yang dinaiki Muhammad Saleh berwarna putih dan kaharnya berwarna merah. Muhammad Saleh bertanya lagi bagaimana Haji Sa'abin melihat dirinya sedangkan kuda itu berlari manakala Haji Sa'abin berjalan. Haji Sa'abin berusaha untuk meyakinkan bahawa beliau benar-benar melihat dengan jelas. Rasyidin kemudiannya menanggungkan perbicaraan pada hari sabtu kerana hari sudah petang dan semua saksi pulang ke rumah masing-masing seperti di bawah:

lantas merah Muhammad betul punya mata
Telah segera berkata kata
Ini saksi terlalu dusta
Tentu diya makan upahan harta

Ini haji tiyada kenal sama saya
Hamba juga tiyada kenal diya
Barangkali haji ini buwaya
Kepada tuan mahukan perdaya

Sahut haji سابين akan katanya Hamba
kenal betul ma' bapa'nya
Muhammad betul akan namanya dan
Lagi kenal rumah tangganya

(Rangkap 208-210)

Muhammad betul lalu berper
Di depan meja akan berdiri
Di mana dapat kenallah كهر lari
Silau lentera kanan dan kiri

Haji سابين menyahut segera
Betul sekali ada lentera
Nyata terlihat dengan كتنرا
Kudanya putih كهرث merah

(Rangkap 212-213)

Muhammad betul berkata perlahan
Di mana boleh dapat kenalan
لاري لاري diya berjalan
Hamba tiada terima saksi

(Rangkap 214)

Setelah mendapat bukti dan keterangan daripada saksi Rasyidin perlu membuat keputusan sama ada Muhammad Saleh benar bersalah atau tidak. Keputusan tersebut dibuat dengan meneliti keterangan yang dibuat oleh kesemua saksi sama ada keterangan- keterangan tersebut saling bercanggah atau saling berhubung kait. Menurut keterangan daripada saksi yang dipanggil menunjukkan bahawa keterangan yang diberi adalah saling berkait antara satu sama lain dan terdapat juga saksi yang memberikan keterangan yang hampir sama. Hal ini membuktikan bahawa perkara yang dilihat oleh para saksi adalah betul.

iii) *Peristiwa Muhammad Saleh dihukum*

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2007:550) mendefinisikan hukuman sebagai keputusan atau pertimbangan yang dibuat oleh hakim dalam mahkamah. Menurut Mahmud Saedon A. Othman (1998) pula menakrifkan hukuman sebagai sesuatu yang dikeluarkan oleh hakim, yang bertujuan untuk menyelesaikan tuntutan dan persengketaan. Secara umumnya hukuman merujuk kepada tindakan yang dikenakan oleh mahkamah setelah mendapat bukti dan melalui proses perundangan yang adil. Hal ini bertujuan untuk menegakkan undang-undang dan memberikan keadilan dalam masyarakat. Hukuman yang dikenakan kepada pesalah perlulah setimpa dengan kes atau jenayah yang dilakukan agar dapat memberi pengajaran kepada masyarakat kesan melanggar undang-undang. Dalam syair Muhammad Saleh memaparkan realiti yang berlaku kepada Muhammad Saleh iaitu beliau dijatuhi hukuman gantung sampai mati setelah beliau didapati bersalah melakukan jenayah iaitu membunuh seorang ulama daripada Arab. Hukuman tersebut dibuat disebabkan terdapat bukti-bukti dan keterangan yang diperolehi daripada saksi semasa perbicaraan dan menyabitkan beliau sebagai pesalah. Keputusan tersebut dibuat oleh rasyidin dengan adil dan tidak berlaku bias. Hal ini dapat dilihat pada petikan tersebut:

Sudah terang dengan buktinya
Dapat serbannya sama tongkatnya
Surat terang sekaliyan saksinya
Di dalam rumah ada darahnya

(Rangkap 239)

Sudah dilihat di dalam لكتي Lalu
ditulis di kertas putih
Diputusin Muhammad Saleh yang pasti
Hukum gantunglah sampay mati

(Rangkap 244)

Muhammad Saleh mendengar keputusan tersebut seakan-akan tidak dapat menerima hakikatnya dan mukanya juga berubah menjadi pucat. Hal ini dapat dilihat pada petikan berikut:

Muhammad Saleh mendengar sabda
Ini perkara putuslah sudah
Goyang kepala mengusap dada
Muhammad betullah berhenti ____

Muhammad Saleh pucatnya putih
Sudah mendengar putusan mati
Orang Arab senang di hati
Arab شورا kabar ganti-ganti

(Rangkap 246-247)

Keputusan terhadap Muhammad Saleh ditimbang dan difikirkan semula dan ingin diperhitungkan lagi menggunakan cara Belanda serta disepakati oleh semua. Hal ini dipanggil sebagai rayuan semula atau perbicaraan semula keatas tertuduh. Hal ini disebabkan terdapat rintihan dalam dan luar buwayan (penjara). Kemudiannya Muhammad Saleh dipanggil dan memberitahu bahawa hukuman terhadapnya ditimbang semula. Muhammad Saleh yang mendengar berita tersebut kehairanan dan bercampur kegembiraan. Rasyidin kemudiannya bertanya kepada Muhammad Saleh bersetujukah ia jika hukuman bertukar kepada 15 tahun. Hal ini bertujuan untuk menguji Muhammad Saleh sama ada ia betul-betul membunuh ulama tau tidak. Muhammad Saleh tidak akan bersetuju dengan hukuman tersebut jika ia benar-benar tidak melakukan jenayah dan akan mempertahankan dirinya. Jika Muhammad Saleh bersetuju bermakna Muhammad Saleh benar-benar melakukan jenayah. Rasyidin menyuruhnya menjawab dengan jelas. Hal ini dapat dilihat pada petikan di bawah:

Rasyidin خوف telah berperi
Putusan perkara Muhammad Saleh bestari
Sudah ditimbang dengan difikiri
Sekalian2 لية mahu Habari

Rasyidin lalu bersabda
Bicaranya lagi cara Belanda
Telah pakať semuwanya sudah
Lalu dipanggil Muhammad Saleh yang muda

(Rangkap 279-
280)

Tetapi aku timbang kembali
Masih juga tiyada peduli
Jikalau akur sama sekali
Aku pun juga tiada peduli

(Rangkap 282)

Aku timbang sekalian panglima
Hukuman lima belas tahun punya lama
Apa engkau mahu terima
Ke dua Muhammad betul bersama sama

(Rangkap 284)

Fakhrul memberikan tanda isyarat dengan kerdip mata supaya Muhammad Saleh membantah. Tetapi tidak dipedulikan oleh Muhammad Saleh dan menjawab bahawa ia

bersetuju dengan hukuman tersebut tanpa berfikir makna disebaliknya. Setelah mendengar jawapan tersebut maka terbuktilah bahawa Muhammad Saleh bersalah dan hukumannya dikembalikan kepada asal iaitu hukuman gantung sampai mati. Fakhrul tidak berpeluang lagi untuk membantu Muhammad Saleh kerana keputusan tersebut telah muktamad dan tidak boleh diubah lagi. Muhammad Saleh berasal menyesal dengan tindakannya itu dan dia juga tidak mendapat pengampunan daripada gabenor. Hal ini dapat dilihat pada petikan berikut:

Kerdipan mata tepukin tangan
Ertinya diyalah bilang jangan
Muhammad Saleh sudah kegirangan
Jadi berkata sembarang barangan

تأبىٰ tuwan hamba permisi Jikalaw
sudah timbangan دارىكتى Lima
belas tahun hukuman polisi
Hamba bilang banyak terima kasih

بیشکل berlompat dari tempatnya
Segera bicara sama Rasyidinnnya
Mudah kembali hukumannya
Terlalu terang akan perkaranya

(Rangkap 286-288)

Ini putusan yang sudah pasti
Hukum gantunglah sampay mati
اكتى شتد بالذ ياغ
Tiadalah boleh ingkar yang sudah mati

(Rangkap 293)

Walaupun pada awalnya terdapat usaha untuk membuat penilaian semula hukuman terhadap Muhammad Saleh namun Muhammad Saleh tetap mendapat hukuman gantung sampai mati. Hal ini membuktikan bahawa Muhammad Saleh adalah pelaku yang membunuh seorang ulama. Peristiwa hukuman terhadap Muhammad Saleh yang dijalankan pada hari Selasa yang disaksikan oleh masyarakat dan penduduk. Semasa hukumannya pinggan dan tangan Muhammad Saleh diikat di atas gantungan. Manakala lehernya pula dijerut dan mukanya ditutup menggunakan kain. Akhirnya Muhammad Saleh mati di dihukum gantung. Peristiwa Muhammad Saleh yang dilukiskan dengan rinci memaparkan realiti yang berlaku dalam masyarakat. Hal ini dapat dilihat pada petikan di bawah:

Sudah diikat diya punya tangan
Lalu na'ik atas gantungan
Ke duwanya itu sudah pasangan
Muhammad Saleh Muhammad betul sudah pasangan

Na'ik di pegantungan ke duwanya
Sudah sampay akan perjanjiannya
Tangannya diikat terus ----
Lalu dijerat akan lehernya

(Rangkap
348-349)

5. Rumusan

Kajian ini secara keseluruhannya dapat menjawab kedua-dua objektif iaitu mengenal pasti dan menganalisis unsur-unsur Realisme menurut kemodenan kesusasteraan Munshi Abdullah. Kajian ini jelas membuktikan bahawa syair yang dihasilkan oleh Masyarakat Melayu sekitar abad ke-19 turut mengandungi elemen Realisme iaitu paparan peristiwa semasa aktiviti jenayah yang dapat dilihat menerusi peristiwa mendapatkan saksi pembunuhan, peristiwa pengadilan dan peristiwa Muhammad Saleh dihukum. Hal ini secara jelas membuktikan bahawa syair yang dihasilkan sekitar abad ke-19 mengandungi unsur Realisme seperti yang diperkenalkan oleh Barat dan membuktikan bahawa syair sebagai karya yang memaparkan wahana Realisme.

Rujukan

- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (1972). *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azizah Mohd Rapini. (2018). Amalan Semasa Pengendalian Saksi di Mahkamah Syariah di Malaysia: Satu Tinjauan Awal. *Journal of Muwafaqat*, 1(2), 75-85.
- Ahmad Asif Sardari & Ja'far Shodiq. (2022). Peradilan dan Pengadilan dalam Konsep Dasar, Perbedaan dan Dasar Hukum. *Journal of Islamic Family Law*, 1(1), 11-23.
- Baldick, C. (1991). *The Concise Oxford Dictionary of Literary Terms*. Oxford: Oxford University Press.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kukushkina., E., S. (2020). Evolution of a borrowed Genre in Malay Literature (1922- 1941): The Case of Crime Fiction in Malaysia. *SARE*, 57(2), 36-52.
- Mahmud Saedon A. Othman. (1998). *Institusi Pentadbiran Undang-undang Kehakiman Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Zariat Abdul Rani. (2006). Kehadiran barat dan kesannya terhadap kesusasteraan Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu*, 17, 330-361.
- Ramizah Wan Muhammad. (2009). Sejarah Pentadbiran Kehakiman Islam di Malaysia: Satu Sorotan. *Jurnal Undang-undang Malaysia*, 1, 1-11.
- Rahimah Hamdan & Arba'ie Sujud. (2021). Klasifikasi Realiti dalam Syair menurut Masyarakat Melayu tradisional. *JMS*, 4(1), 206-229.
- Rahimah Hamdan. (2021). Kerangka Kemodenan Kesusasteraan Abdullah Munshi dalam Syair Pilihan. Ph.D Disertasi, Universiti Putra Malaysia.
- Rahimah Hamdan & Ibtisam Zulkifli. (2023). Perspektif Pengarang terhadap Barat dalam Syair Tuan Hampris. *Malaysian Journal of Sciences and Humanities*, 8(7).
- Rahimah Hamdan & Mayzatul Syuhaibah Razali. (2022). Fakta Sejarah dalam Bait Syair Perabu di Negeri Singapura Adanya. *Jurnal Kesidang*, 7, 248-270.
- Rahimah Hamdan, Arba'ie Sujud & Abdul Halim Ali. (2023). Realiti Letusan Gunung Berapi Tambora 1815 dalam Syair. *Journal of Society and Space*, 19(2), 200-216.

- Rahimah Hamdan. (2023). The Development of Munshi Abdullah's Framework of Modernity in Malay Literature: A Critical Observation. *Malay Literature*, 36(2), 210-234.
- Skinner, C. (1978). Transitional Malay Literature: Pt 1, Ahmad Rijaluddin and Munshi Abdullah. BKI 134, 466-487.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. (2000). The Construction and Institutionalisation of Abdullah bin Abdul Kadir Munshi as the Father of Modern Malay Literature: The Role of Westerners. Dalam. David Smyth (Ed.). *The Conan in Southeast Asia Literatures*, hal. 99-114. Surrey: Curzon Press.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. (2009). *Dinamika Pemikiran Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. (2019). Sendeng barat dalam sastera Melayu moden: cabaran sebuah cengkaman. *Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)*, 30, 1-45.
- Putten J., V., d. (2006). Abdullah Munsyi and The Missionaries. *Journal of the Humanities and Social Sciences of Southeast Asia and Ocenia*, 162(4), 407-440.